

Perhebat 'taawun' ringankan beban mangsa banjir

UMM/AA 82/BH/10.12.2024/P: 13 (4-6) Minda Pembaca.

**Prof Madya
Dr Hydzulkifli
Hashim,**
Felo Institut
Penyelidikan dan
Inovasi Zakat (IPIZ),
Universiti Utara
Malaysia

Gelombang pertama banjir melanda negara pada akhir November lalu yang mana mengakibatkan hampir 150,000 mangsa banjir terkesan.

Jabatan Meterologi (METMalaysia) pula meramalkan gelombang kedua banjir dalam tempoh dua minggu bermula kelmarin dengan Pahang dan Johor antara negeri dijangka turut terjejas dengan ben-

cana itu kali ini.

Kebanyakan mangsa terjejas dengan fenomena banjir ini ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS). Majoriti mangsa dipindahkan kehilangan harta dan kerugian akibat tanaman rosak. Ini menjadi satu ujian amat besar kepada seluruh rakyat sebenarnya. Semua mangsa banjir ini memerlukan keprihatinan dan sokongan mental serta fizikal dari seluruh masyarakat.

Dari sudut Islam, agama ini menggalakkan konsep 'taawun' atau tolong menolong meringankan beban mereka yang terkesan akibat banjir atau musibah.

"Dan tolong-menolonglah kamu (mengerjakan) kebajikan dan takwa, jangan tolong-menolong berbuat dosa serta permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sungguh Allah sangat berat siksa-Nya". (Surah al-Maidah, ayat 2)

Kaedah fiqh menegaskan konsep setiap kesukaran atau kesulitan pasti terdapat kemudahan. Dalam konteks ini mangsa terkesan dengan banjir menghadapi kesukaran dan amat mengharapkan bantuan orang ramai.

Bantuan hendaklah disalurkan tanpa mengenal perbezaan agama, mahupun susur galur perbezaan fahaman politik. Perkara sedemikian



hendaklah dikikis supaya rakyat lebih memfokuskan kepada konsep bersatu padu dalam setiap aspek urusan seharian lebih-lebih lagi menyalurkan bantuan kepada mangsa terjejas.

Dalam hal ini, semua pihak wajar menanam sifat insaniah menangani isu penyaluran ban-

tuan kepada mangsa banjir tanpa melihat latar belakang mangsa.

Justeru, setiap kesukaran atau kesempitan dihadapi seseorang seharusnya dipermudahkan sehingga mereka terasa kebahagiaan dan rahmat dengan syariat Islam.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my